

04 DEC 1997

Parlimen-Toyad

MALAYSIA SEDANG KAJI DEKLARASI HAK ASASI MANUSIA 1948

KUALA LUMPUR, 4 Dis (Bernama) -- Kajian terhadap Deklarasi Hak Asasi Manusia yang diterima oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) pada 1948, yang sedang dilakukan oleh negara ini adalah hanya di peringkat kebangsaan sebelum tindakan peringkat serantau dan antarabangsa dibuat.

Timbalan Menteri Luar Datuk Leo Michael Toyad berkata kajian itu dibuat untuk mengetahui sama ada deklarasi yang hampir separuh abad itu masih sesuai dan boleh digunakan pada masa ini.

"Jika tidak sesuai, wajarlah cadangan Perdana Menteri (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) untuk memperbaikinya diambil kira oleh masyarakat antarabangsa," katanya semasa menjawab soalan Hoo Seong Chang (BN-Keluang) di Dewan Rakyat, hari ini.

Apa yang disaran oleh Dr Mahathir ialah untuk melihat kesesuaian deklarasi itu daripada segi perkembangan dunia masa kini dalam lapangan politik, pembangunan, perhubungan dan perdagangan antarabangsa.

Ini kerana banyak bantahan antarabangsa yang dibuat sekarang dalam pelbagai bidang hanya dengan menggunakan alasan melanggar hak asasi manusia, katanya.

Ketika menjawab soalan tambahan Hoo, Toyad berkata selain daripada negara-negara Asean, beberapa pemimpin negara membangun juga secara lisan menyatakan sokongan terhadap usaha Malaysia itu.

Beliau berkata kajian yang dibuat itu tidak ada bezanya dengan kajian semula yang dibuat terhadap deklarasi, konvensyen atau protokol yang lain.

-- BERANAM

SJA NMO